

Publication : **Berita Harian**
Date : 2 February 2019
Section : Nasional
Page : 61
Headline : Hua Yang tumpu pelancaran baharu
PR Value : 78,946.41

Hua Yang tumpu pelancaran baharu



Strategi peletakan harga bagi setiap projek yang dijalankan mengikut keperluan pasaran, di samping menawarkan pakej menarik kepada pembeli juga menyumbang kepada keputusan baik itu”

Joe Tan,
Ketua Kewangan
Hua Yang



➔ Untung bersih syarikat naik lebih lima kali ganda

Oleh **Nasuha Badrul Huzaini**
nasuha@bh.com.my

Peneraju dalam sektor perumahan mampu milik, Hua Yang Bhd (Hua Yang) akan mengekalkan strateginya melancarkan projek pembangunan baharu dengan penekanan yang lebih diberikan kepada inisiatif pemasaran.

Ketua Kewangannya, Joe Tan berkata strategi itu diambil bagi mempromosikan projek baharu, di samping mencapai jualan yang lebih kukuh dalam projek yang sudah siap dan sedang berjalan.

Katanya, Hua Yang kini berada dalam landasan yang betul untuk meraih kejayaan dan ia dibuktikan menerusi keputusan kewangan yang semakin meningkat setiap suku tahun.

“Strategi peletakan harga bagi setiap projek yang dijalankan mengikut keperluan pasaran, di samping menawarkan pakej menarik kepada pembeli juga menyumbang kepada keputusan baik itu.

“Walaupun perjalanan kami masih panjang, saya yakin dengan terus menganalisis landskap opera-

si, mengukuhkan teras perniagaan, kami akan mencapai matlamat yang ditetapkan,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Untung bersih RM8.6 juta

Syarikat itu mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM8.6 juta pada sehingga penutup suku ketiga tahun kewangan 2019, peningkatan lebih lima kali daripada RM1.8 juta yang dicatat dalam tempoh sama tahun lalu.

Perolehan bagi tempoh sembilan bulan pertama Hua Yang bagi tahun kewangan 2019 berada pada RM200 juta, meningkat daripada RM141.3 juta yang dicatat pada 2018.

Bagi suku dikaji, kumpulan

itu mencatat PAT sebanyak RM5.7 juta, peningkatan yang signifikan daripada kerugian selepas cukai sebanyak RM815,000 yang dicatat tahun lalu.

Perolehan juga meningkat kepada RM68.4 juta berbanding RM49.9 juta yang dicatat pada suku ketiga tahun lalu.

Projek Hua Yang di Lembah Klang menjadi penyumbang utama peningkatan lebih lima kali daripada 35 peratus. Ia diikuti oleh Johor (32 peratus); Ipoh (16 peratus); Pulau Pinang (14 peratus) dan Negeri Sembilan (tiga peratus).

Hua Yang kini mempunyai simpanan tanah yang belum dibangunkan sebanyak 188 hektar dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM5.3 bilion.



Projek Hua Yang
di Lembah Klang menjadi penyumbang utama kepada perolehan syarikat.